



**“RAMADHAN BULAN TARBIIYAH”**  
(26 Mei 2017 / 29 Sya’ban 1438)

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن

قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾ سورة البقرة: ١٨٣

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُرْحَمُونَ.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada di dalam rahmat serta mendapat perlindungan Allah SWT demi mencari keredhaan-Nya di dunia mahu pun di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Ramadhan Bulan Tarbiyah”**.

**SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Kita merasa sangat bersyukur kerana pada ketika ini kita masih diberikan kesempatan oleh Allah SWT untuk menghadapi bulan yang penuh keberkatan

Ramadhan al Mubarak. Jelasnya, Ramadhan yang bakal kita tempuhi ini adalah bulan tarbiyah yang mendidik jiwa kita, melatih peribadi, jasmani dan rohani ke arah menjana iman dan takwa serta menghindari perkara-perkara maksiat, mungkar dan sia-sia. Di samping itu, bulan ini menjadi lebih istimewa dengan keagungan al Quran yang diturunkan padanya sekaligus menjadi sumber kekuatan dan panduan sepanjang zaman kepada kita semua. Firman Allah SWT di dalam Surah al Baqarah, ayat 185:

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ﴾

**Maksudnya:** “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.”

#### **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Sebagai menyatakan rasa syukur dan kegembiraan kita menyambut tibanya Ramadhan al Mubarak ini, seharusnya kita telah mempersiapkan diri dari sudut mental dan fizikal di saat kita menghadapinya. Sebaliknya, jika kita tidak bersiap sedia, kedatangan Ramadhan kali ini akan datang dan pergi begitu sahaja. Alangkah ruginya kita kerana melepaskan dan mensia-siakan peluang yang Allah SWT tawarkan kepada kita dengan berbagai kelebihan atau fadhilat yang berganda ini. Dalam sebuah hadith Qudsi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah RA:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ: كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ ، فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ

**Mafhumnya:** “Daripada Abi Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Allah SWT berfirman: Setiap amalan anak Adam itu adalah untuk dirinya sendiri kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk aku (Allah) dan akulah yang memberi ganjarannya.”

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi memastikan tarbiyah Ramadhan kali ini benar-benar dihayati, mimbar ingin mengingatkan para jemaah sekalian beberapa langkah penting sebagai persiapan kita melalui detik-detik Ramadhan iaitu *pertama*, memasang tekad dan keazaman untuk memenuhi Ramadhan dengan ibadah lantaran terbukanya pintu-pintu syurga. Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا جَاءَ رَمَضَانَ فَتُفْتَحُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ

**Mafumnya:** “*Daripada Abu Hirairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila tibanya Ramadhan, dibuka pintu-pintu syurga, dan ditutup pintu-pintu neraka serta dibelenggu syaitan-syaitan.*”

**Kedua**, bersungguh-sungguh melakukan taubat dan mensucikan hati serta jiwa nurani dengan mengharap *maghfirah* dan rahmat daripada Allah SWT. **Ketiga**, mengambil peluang mempertingkatkan ilmu serta kefahaman yang jelas tentang Ramadhan itu sendiri bagi menghadapi didikan selama sebulan sebagai bekalan dan benteng untuk menempuh ujian-ujian dalam sebelas bulan yang bakal mendatang.

**Keempat**, berusaha menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang sia-sia, melalaikan, tidak memberi manfaat, berkata-kata yang tidak perlu, mengelakkan pertengkaran dan sebagainya kerana boleh membawa kepada permusuhan. Dan **kelima**, mengurangkan aktiviti yang tidak perlu dan membebankan pelaksanaan puasa di samping berdoa agar dipertemukan dengan Ramadhan yang akan datang.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Tarbiyah Ramadhan saban tahun ini hendaklah dijadikan sebagai agenda penting dalam kalendar umat Islam. Usahlah kita alpa sehingga tergamak meninggalkan kefardhuan ini tanpa keuzuran yang dibenarkan syarak.

Sesungguhnya perbuatan ini amat dibenci oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabda baginda SAW yang diriwayatkan oleh Imam at Tirmizi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَفْطَرَ يَوْمًا مِنْ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ رُخْصَةٍ وَلَا مَرَضٍ لَمْ يَقْضِ عَنْهُ صَوْمَ الدَّهْرِ كُلِّهِ وَإِنْ صَامَهُ

**Mafhumnya:** “*Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah bersabda: Sesiapa yang berbuka puasa sehari daripada bulan Ramadhan tanpa rukhsah dan sakit yang diizinkan Allah, tidak memadai sekalipun ia qadha puasa tersebut selama-lamanya.*”

Tuntasnya, Islam memandang serius berhubung pelaksanaan ibadah puasa Ramadhan. Bahkan, ia adalah salah satu paksi dan rukun Islam yang mesti ditegakkan dalam kehidupan seharian umat Islam. Meninggalkan puasa Ramadhan tanpa alasan atau tanpa uzur syarie merupakan dosa besar yang tidak mungkin dapat digantikan dengan qadha puasa dari sudut nilainya.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Bagi meningkatkan penghayatan Ramadhan kali ini, mimbar mengajak sidang jemaah sekalian untuk sama-sama merenung kembali sejauh manakah Ramadhan ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya. Ingatlah, teras kecemerlangan umat Islam bergantung kepada takwa yang dimiliki yang mendatangkan kebaikan kepada masyarakat dan negara.

Tarbiyah Ramadhan akan memandu kita meningkatkan takwa melalui amalan fardhu atau sunat, membudayakan diri ke masjid, membaca dan memahami ayat-ayat al-Qur'an, bertaubat, berdoa dan berzikir. Mudah-mudahan kehidupan kita akan dinaungi takwa dan sekaligus cemerlang di dunia dan di akhirat. Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara yang perlu di ambil perhatian iaitu:

**Pertama:** Kefardhuan puasa dan fadhilat Ramadhan bukan sahaja untuk manfaat diri individu muslim semata-mata bahkan meliputi seluruh

umat dengan ganjaran takwa di sisi Allah SWT.

**Kedua:** Ramadhan al Mubarak adalah bulan limpahan ganjaran pahala ibadah yang perlu direbut berasaskan ilmu dan kefahaman yang betul.

**Ketiga:** Amalan di sepanjang bulan ini dilipatgandakan oleh Allah SWT sebagai kurniaan kepada mereka yang gemar beramal mengharapkan keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al Baqarah ayat 183:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا  
كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وانتهوا عما نهاكم عنه وحذر. واعلموا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَمَنْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ اَنْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ  
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دفرتوان اکوځ کلیا بلس

سلطان محمد کلیا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ  
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا. وَارزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ  
وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً  
مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا  
جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا  
بِطَاعَتِهِ.

*Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.*

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾  
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.